

## Tidak wajar tuding jari cari salah

**KENYATAAN** Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Datuk Syed Ali Alattas berhubung kegagalan usahawan yang bernaung di bawahnya mendapat kontrak projek MRT sebaliknya dianugerahkan kepada kontraktor tidak layak menarik perhatian saya.

Selain gesaan terhadap Perdana Menteri supaya kerajaan mengambil balik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam bidang utiliti diswastakan serta cadangan kepada usahawan DPMM juga perlu dianalisis secara objektif.

Saya ingin kemukakan lima persoalan yang perlu dijawab DPMM bagi mewajarkannya 'menghentam' Perdana Menteri.

Pertama, senaraikan ahlinya yang layak secara merit untuk menyertai senarai pendek kelayakan kontraktor MRT tersebut. Buktikan bahawa ahli diperjuangkan kontraktor berwibawa dari segi kepakaran, modal, pengalaman dan keupayaan.

Kedua, jika ada dalam kalangan ahli DPMM layak, mengapa mereka tidak diketengahkan DPMM ketika proses konsultansi dan prakelayakan dilakukan Teraju dan MRT Corp sebelumnya? Adakah ini bermakna bahawa kepimpinan DPMM hanya menunggu kerajaan menganugerahkan segala-galanya dengan hanya menunggu di pejabat atau berharap kerajaan mengutamakan ahli DPMM kerana Melayunya itu?

Ketiga, jika ahli DPMM tidak layak, apakah langkah mitigasi dilakukan DPMM terhadap 'kekurangan' dalam kalangan ahlinya? Kita tahu bahawa proses konsultasi kerajaan dengan pihak berkepentingan

sudah dilakukan sejak 2010 lagi apabila kerajaan memperkenalkan Model Baru Ekonomi. Mengapa DPMM tidak menjalankan kajian dalamannya sendiri mengenai status dan sifat sebenar ahlinya? Jika modal, keupayaan dan kepakaran jadi persoalan mengapa DPMM tidak secara proaktif menggerakkan ahlinya melakukan proses penggabungan, usaha sama atau kerjasama dan sebagainya bagi meningkatkan keupayaan dan kelayakan ahlinya?

Keempat, bagaimana DPMM boleh melabelkan proses transformasi ekonomi Perdana Menteri sebagai perbuatan yang pelik? Saya menilai kenyataan ini sebagai kegagalan DPMM untuk memahami dasar tindakan afirmatif diperbaharui seperti dijanjikan Perdana Menteri ketika menzahirkan inisiatif pembaharuan Model Baru Ekonomi dua tahun yang lalu. Cara pemikiran dan tindakan DPMM masih di takuk lama dan tanpa disedari organisasi ini mula menjadi tidak relevan dalam sifat kejumudan dan syok sendiri ini. Bagi saya kenyataan dan tindakan DPMM mutakhir ini yang pelik. Saya pasti cadangan DPMM mengambil alih Kulim Berhad pada nilai RM1 bilion, cadangan membangunkan rumah rakyat 1Malaysia pada nilai di bawah RM100,000, dan jika kita boleh menyingkap semula kenyataan sebelum ini yang DPMM membawa masuk pelaburan asing langsung (FDI) bernilai RM6 bilion untuk membangunkan Menara DPMM di sebelah KLCC dan membuka Bank MBE adalah tindakan pelik.

Kelima, mengapa DPMM hanya memperjuangkan ahlinya sahaja sedangkan mereka mendakwa memayungi dan mewakili kepentingan peniaga dan

usahawan Melayu keseluruhannya?

Apabila kontrak dianugerahkan kepada usahawan Melayu bukan ahli, DPMM dengan pantas mengkritik syarikat yang dianugerahkan kontrak itu tidak layak, tanpa mendapat fakta lengkap. Adakah semua kontrak hanya untuk ahli DPMM sahaja? Mengapa tidak dicontohi sikap terbuka dan keikhlasan Yang Dipertua DPMM Selangor, Tan Sri Rozali Ismail yang juga Presiden Majlis Perundingan Ekonomi Melayu Malaysia (Mapem) yang memperjuangkan usahawan syarikat Teras yang bukan ahli DPMM Selangor atau Mapem dalam isu berkaitan pelaksanaan program Teras?

Natijahnya, DPMM yang perlu bermuhasabah dan melakukan perubahan selaras transformasi ekonomi negara yang sedang dilaksanakan oleh usahawan Melayu lain yang lebih memahami dan tahu bagaimana menyediakan diri untuk menyertai peluang-peluang baru dalam arus transformasi ini.

Jika kenyataan saya salah, bagaimana melalui proses saringan yang ketat SME Corp dan Teraju mampu mengenal pasti lebih 200 syarikat kecil dan sederhana Melayu bertaraf empat dan lima bintang

Malangnya mereka semua bukan ahli DPMM, kepimpinan DPMM perlu mencari jawapan mengapa mereka tidak mahu menjadi ahli DPMM. Maka tidak wajar DPMM menyalahkan Perdana Menteri sebagai satu cara menuding jari menyalahkan pihak lain angkara kelemahan diri sendiri.



emelpembaca

ROSLI SAMAT  
SUBANG JAYA